

DI-TERBITKAN

DUA KALI

SA-BULAN

PELITA BRUNEI



AKHBAR RASMI

KERAJAAN

NEGERI BRUNEI

PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 6 BILANGAN 11.

BANDAR BRUNEI, 7 June 1961, (23 Zulhijjah 1380).

PERCHUMA.

D. Y. M. M. BERANGKAT KA-MALAYA

DENGAN KAPAL TERBANG

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu melalui Singapura dengan kapal terbang pada 26 May yang lalu.

Baginda telah di-iringi oleh Doktor Abdul Wahab Ariff, Pegawai Perubatan Negara.

Di-antara ramai orang yang berada di-lapangan terbang tempatan untuk menguchapkan selamat berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu kepada Duli Yang Maha Mulia ia-lah Yang Terutama Tuan D. C. White, Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei; Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara; Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha; Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei; Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar, Kadhi Besar Brunei; Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera; Ahli2 Majlis2 Meshuarat Di-raja, Kerajaan dan Negeri Brunei; Pegawai2 Pertadbiran Kerajaan dan lain2-nya.

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara Sri Maha-

raja Permaisura Dato Paduka Muda Hashim ibni Almerhom Pengiran Anak Abdul Rahman dan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha Sahibul Ranya Walmashuarat Dato Paduka Muda Haji Mohamed Alam ibni Almerhom Pengiran Anak Abdul Rahman telah di-lantek menjadi Pemangku2 Raja pada masa Duli Yang Maha Mulia berada di-luar negeri.



Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan kelihatan berchakap2 dengan Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris (memegang topi) pada masa Baginda sedang berjalan ka-kapal terbang untuk berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu baharu2 ini.

SAMBUTAN HARI JADI BAGINDA QUEEN

BANDAR BRUNEI. — Negeri Brunei akan menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen dengan mengadakan perayaan2 di-Bandar Brunei dan di-Kuala Belait pada hari Sabtu 10 June.

Pada pukul 8.30 pagi hari tersebut akan di-adakan istiadat berbaris di-Bandar Brunei.

Yang Terutama Tuan D. C. White, Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei akan menerima tabek kehormatan di-istiadat tersebut.

Dalam istiadat tersebut Tuan D. C. White akan menyampaikan pingat "Colonial Police Medal" kepada A.S.P. Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid, O.C.P.D. Brunei dan pingat "British Empire Medal" kepada Captain Awang bin Dollah, dari Jabatan Laut, Brunei.

Di-antara pukul 10 dan 11.30 pagi hari itu satu majlis untuk minum selamat kepada Baginda Queen akan di-adakan di-Rumah Pesuruh Jaya Tinggi.

DI-KUALA BELAIT

Pada pukul 5.30 petang hari tersebut akan di-adakan istiadat berbaris di-tadang besar Kuala Belait.

Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei akan hadir di-istiadat itu dan akan menerima tabek kehormatan. Pada sebelah malam-nya Tuan White akan had-

Lawatan Y.D.P. Agong Ka-Brunei

BANDAR BRUNEI. — Jalan2 raya di-sini akan di-hiasi dengan pintu2 gerbang yang menandakan "selamat datang" kepada Duli2 Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Perutusan Agong dan Raja Permaisuri Agong Persekutuan Tanah Melayu dalam masa lawatan baginda2 sa-lama empat hari ka-Brunei mulai 1 July hadapan.

Persiapan2 kerana menyambut lawatan di-raja itu telah di-adakan di-Bandar Brunei dengan membentok beberapa jawatankuasa yang bertugas untuk menyelenggarakan upacara2 yang akan di-adakan.

Keramaian2 yang akan di-adakan, antara lain ia-lah:

- ◆ Peraduan berehuchul dari lampu listrik dan minyak tanah terbuka kepada rumah2 di-darat dan di-Kampung ayer;

- ◆ Perarakan malam budak2 sekolah;

- ◆ Persembahan tarian2, nyanyian2 dan lain2;

- ◆ Perarakan kereta berhias;

- ◆ Lumba perahu.

M.B. dan P.D.B. Ka-Singapura

BANDAR BRUNEI. — Yang Amat Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar, Menteri Besar Brunei dan Yang Berhormat Pengiran Abu Bakar bin Pengiran Omar Ali Pegawai Daerah Belait telah berlepas ka-Singapura pada hari Khamis yang lalu.

Beliau2 itu telah melawat ka-Singapura kerana mewakili Negeri Brunei dalam perayaan sambutan Hari Kebangsaan Singapura.

Sa-lepas lawatan itu, beliau2 tersebut akan melawat ka-Persekutuan Tanah Melayu.

BAKAL2 ASKAR BRUNEI



Gambar ramai rombongan pertama bakal2 askar Melayu Brunei yang telah berangkat ka-Port Dickson, Negeri Sembilan dalam minggu yang lepas.

Di-kiri sa-kali ia-lah Yang Berhormat Inche Hashim bin Tahir dan di-kanan sa-kali ia-lah Inche Sharif bin Hassan, Pegawai Perjawatan, Brunei.

Berita dan gambar2 yang lain berkenaan dengan bakal2 askar tersebut di-siarkan di-muka 4.

SAMBUTAN RAYA HAJI DI-NEGERI BRUNEI

BANDAR BRUNEI.—Sekolah2 Melayu di-sini telah mengadakan berbagai2 acara sambutan Hari Raya Haji bertempat di-sekolah masing2.

Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam telah mengadakan peraduan2 bahath dan sharahan pada malam 24 May dan pada petang 25 May telah di-adakan peraduan membach al-koran.

Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Dato Paduka Haji Mohamed Salleh, Kadhi Besar Negeri Brunei telah menyampaikan hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya di-sekolah tersebut pada petang 25 May.

Pada petang hari Sabtu 27 May pula Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah telah mengadakan peraduan membach kitab suchi dan hadiah2 di-sampaikan oleh isteri Inche Idris bin Babji, Pegawai Pelajaran Negara, Brunei.

DI-KAWASAN TUTONG

Pemuda2 dan pemudi2 dari kawasan2 Sinaut, Keriam, Penanjong, Panchor, Suran, Petani, Sengkarai dan Kuala Tutong telah bekerjasama dan berhasil mengadakan sambutan Hari Raya Haji pada 26 May yang lalu di-bangunan baharu Sekolah Melayu Muda Hashim, Bukit Bendera, Tutong.

Satu majlis ramah-tamah telah di-adakan petang hari tersebut. Majlis itu di-mulai dengan ucapan pembukaan oleh Inche Noordin bin Ahmad, Setia Usaha sambutan tersebut di-turut dengan bacaan al-koran. Kemudian ucapan2 telah di-lafadzkan oleh beberapa orang.

Pada malam hari tersebut di-adakan peraduan2 sharahan, membach sajak, bahath, nyanyian dan panchak silat. Selain dari itu di-adakan juga persembahan2 nyanyian lagu2 su-

ka-ramai oleh beberapa orang lelaki dan perempuan yang tinggal di-Daerah Tutong, tarian yang berchorak kebudayaan Melayu dan lawak jenaka.

Yang Berhormat Haji Ghazali bin Umar, naib pengerusi temasha tersebut telah menyampaikan hadiah2 kepada para peserta yang berjaya.

Pancharagam Tunas Harapan di-bawah pimpinan Inche Abdul Hamid bin Penyurat Haji Abu Bakar telah bermain di-temasha tersebut.

PENGIRAN BENDAHARA SAKAM MENJELMA DI-KUALA BELAIT

KUALA BELAIT.— Satu rintisan sejarah tanah ayer bertajok "Pengiran Bendahara Sakam" telah di-persembahkan oleh murid2 Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait pada malam 28 May yang lalu.

Sandiwara itu di-adakan sa-bagai salah satu acara sambutan Hari Ibu Bapa Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin bertempat di-pentas besar padang Kuala Belait Recreation Club dan di-arahkan oleh Inche Abdullah Ali Hashim.

Sekolah tersebut telah mengadakan sambutan yang termal'om pada hari2 Jumaat dan Ahad, 26 dan 28 May dengan mempersembahkan berbagai2 acara sambutan yang meriah, di-bawah ri'ayah Yang Berhormat Pengiran Abu Bakar, Pegawai Daerah Belait.

Pada malam pertama sambutan tersebut di-adakan "Malam Agama", mengandungi peraduan2 membach kitab suchi al-koran, sharahan, sumbangan la-

KERJA2 KOSONG:

172 Orang Di-kehendaki

BANDAR BRUNEI.— Sa-banyak 172 kerja2 kosong sa-bagai buroh kasar telah di-tawarkan oleh majikan2 di-seluruh tanah ayer kepada orang2 yang menchari pekerjaan. Kerja2 kosong itu telah di-umumkan oleh Pesuruh Jaya Buroh, Tuan D. B. Petherick dalam sa-buah kenyataan-nya baharu2 ini.

Tidak ada kerja2 kosong di-dalam Jabatan2 Kerajaan dan sharikat Minyak Shell Brunei; tetapi kerja2 kosong ada di-tawarkan oleh majikan2 kecil dalam negeri ini.

Kerja2 kosong itu ia-lah:

Ladang Getah Bee Seng, Temburong berkehendakkan 8 orang sa-bagai penureh getah; gaji-nya \$4.00 hingga \$5.00 sa-hari dan tempat tinggal di-sediakan.

Ladan Chop Aik Thye, Temburong berkehendakkan 25 orang sa-bagai penureh getah; gaji-nya \$4.00 hingga \$5.00 sa-hari dan tempat tinggal di-sediakan.

Labu Estate, Labu berkehendakkan 30 orang sa-bagai penureh getah; gaji-nya \$4.00 hingga \$5.00 sa-hari dan tempat tinggal di-sediakan.

Temburong Estate, Temburong berkehendakkan 15 orang sa-bagai penureh getah; gaji-nya \$4.00 hingga \$5.00 sa-hari dan tempat tinggal di-sediakan.

Kilang Papan Hiap Hong, Badas, Seria berkehendakkan 30 orang sa-bagai penarek balak; gaji-nya \$4.50 sa-hari dan tempat tinggal di-sediakan.

Tukang Perkakas Rumah, Chow Kwai, 27 Jalan Sultan, Brunei berkehendakkan sa-orang sa-bagai tukang perkakas rumah; gaji-nya \$7.00 sa-hari dan tempat tinggal tidak di-sediakan.

BERKEHENDAKKAN

Fung Fock Choon, Jalan Berakas, Brunei berkehendakkan 25 orang sa-bagai tukang perkakas rumah; gaji-nya \$4.00 hingga \$11.00 sa-hari dan tempat tinggal tidak di-sediakan.

Sheikh Nikman 49, Jalan Sultan, Brunei berkehendakkan 33 orang sa-bagai pembaji balak; gaji-nya dari \$4.00 hingga \$5.00 sa-hari dan tempat tinggal di-sediakan.

Chua Swee Chong, Muara berkehendakkan 5 orang sa-bagai penangkap ikan; gaji-nya \$5.00 sa-hari dan tempat tinggal tidak di-sediakan.

TAHNIH PENGGERUSI MINGGU BAHASA KEBANGSAAN

BANDAR BRUNEI.— Yang Berhormat Inche Idris bin Babji, Pegawai Pelajaran Negara selaku Pengerusi Minggu Bahasa Kebangsaan yang telah lalu telah menyampaikan ucapan tahniah dan penghargaan kepada Sharikat Minyak Shell Brunei di-Seria kerana mengambil peranan penting dalam menjayakan Minggu Bahasa Kebangsaan itu.

UCHAPAN SAMBUTAN

Ucapan tahniah dan penghargaan Pengerusi Minggu Bahasa Kebangsaan itu telah disampaikan kepada Pengarah Urusan Sharikat Minyak Shell Brunei di-Seria dalam sa-puchok surat-nya pada 31 May lepas.

Surat itu berbunyi:

"Atas nama Jawatan Kuasa Minggu Bahasa Kebangsaan, 1961, saya dengan sukachita menyampaikan ucapan tahniah kepada pihak Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Seria, ke-

rana dengan ikhlas-nya mengambil perhatian dan menjayakan sambutan Minggu Bahasa Kebangsaan yang lalu itu.

"Sambutan yang menjadi perhatian dan chontoh baik serta kerjasama yang telah di-laksanakan sa-belum dan sa-masa Minggu Bahasa di-lancarkan, bagi membantu memperkuat keazaman Kerajaan melaksanakan bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi di-negeri ini ada-lah membuktikan bahawa Sharikat Minyak Shell yang di-uruskan oleh tuan telah mengambil peranan penting serta mengadakan perbelanjaan kerana membuat perubahan2 yang besar dan berseesuaian dengan kehendak Minggu Bahasa Kebangsaan 10-16 April, 1961 itu telah memberi bekas sa-sudah pelancharan-nya.

"Kami sangat menghargai dan akan menchatetkan dalam sejarah atas perhatian tuan yang bijaksana itu."



Inche Abdul Hamid bin Bakar (kiri) dan Inche Ibrahim bin Mudim Haji Ismail (kanan) dari Brunei yang sedang melanjutkan pelajaran di-Kolej Islam Malaya kelihatan di-bangunan lapangan terbang tempatan sa-belum berangkat ke-Malaya tidak berapa lama dahulu sa-telah berchuti di-Brunei.

Sambutan Ulang Tahun 4B Brunei

BANDAR BRUNEI.—Kira2 2,000 orang telah hadir di-majlis Sambutan Ulang Tahun Pertama Barisan Buroh Bersatu Negeri Brunei yang telah di-langsungkan di-Pangpong Hassanal Bolkiah pada petang hari Juma'at yang lalu.

Di-antara-nya ia-lah wakil persatuan2 buroh dari Kuching, Sibru dan Miri, Sarawak.

Uchapan2 telah di-lafadzkan di-majlis itu oleh:

Setia Usaha Penerangan 4B, Inche Mahmud Salleh; Setia Usaha Agong Pusat 4B, Inche A.A. Hapidz Laksamana; Yang di-Pertua 4B, Inche Matarsad bin Marsal.

Ketua rombongan perwakilan Trade Union Kongres Kuching, Inche Wen Ming Chyuan; Wakil Workers Union Sibru, Inche Ling Chan Hua; Wakil Setia Usaha Agong Trade Union Kongres Kuching, Inche Chan Boon Ho.

Wakil Persatuan Pekerja2 Miri, Inche Abd. Ghani Khan; Wakil Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, Inche Muhammad Jaafar; Wakil Partai Rakyat Brunei, Inche Jasim Affandy.

Wakil Dewan Perdagangan Orang2 Tionghua Inche Lim Boon Koon; Wakil Persatuan Laut, Inche Johari Abdul Razak.

Inche Zaini bin Haji Ahmad sa-laku sa-orang jemputan yang

tidak mewakili sa-barang persatuan atau kerajaan, tetapi atas simpati-nya terhadap pengorbanan sa-tiap buroh telah juga memberi ucapan-nya di-majlis tersebut.

Persatuan India telah menghantar wakil-nya untuk memberi ucapan di-majlis tersebut dan wakil2 4B Daerah Belait-Seria Inche Momin Ahmad dan Tengah Buntar dari Muara telah juga memberi ucapan mereka di-majlis itu.

PILEHAN RAYA:

Wakil2 Brunei Balek Dari Malaya

BANDAR BRUNEI.—Tujuh belas orang wakil2 dari Negeri Brunei yang telah berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu untuk menyaksikan dan mempelajari perkara2 yang berkaitan dengan pilehan raya, sa-bagai mana yang telah di-beritakan dalam PELITA BRUNEI pada 17 May yang lalu, telah balek ka-Brunei dengan kapal terbang pada tengah hari Rabu 24 May.

Rombongan itu di-ketuai oleh Inche Mat Noor McAfee, Penye-lia, Pilehan Raya Negeri Brunei ada-lah mengandungi Pegawai2 Kerajaan dari Daerah Brunei, Belait, Tutong dan Temburong; Pegawai2 Pulis dan wakil2 dari pertubuhan2 siasah di-negeri ini.

Inche Mat Noor McAfee ber-

kata kepada PELITA BRUNEI ketika di-temui di-bangunan lapangan terbang Brunei pada masa beliau balek dari Persekutuan Tanah Melayu bahawa Pengerusi, Surohanjaya Pilehan Rava Persekutuan Tanah Melayu dan pegawai2 pilehan raya di-

sana telah memberi berbagai2 pertolongan kepada wakil2 dari Negeri Brunei.

Dengan mempunyai pengalaman dalam hal ahwal pilehan raya sa-masa berada di Persekutuan Tanah Melayu baharu2 ini, Inche Mat Noor McAfee menegaskan semua wakil2 tempatan itu dapat-lah menjalankan kewajipan masing2 dengan baik dan sempurna pada masa di-adakan pilehan raya di-negeri ini tidak berapa lama lagi.

SHARAHAN2 UGAMA ISLAM

BANDAR BRUNEI.—Anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam Negeri Brunei telah melawat ka-Mesjid Sengkurong pada pagi hari Jumaat yang lalu dan memberi sharahan berkenaan dengan Ugama Islam.

Pada hari itu juga anggota2 dari badan penerangan tersebut telah melawat ka-Kampung Berbunut dan bersharah di-mesjid kampung itu.

Jadual lawatan Badan Penerangan Ugama Islam Brunei kalin2 tempat dalam Negeri Brunei pada bulan ini ada-lah seperti di-bawah ini:

Hari Jumaat 9 June — Mesjid Kampung Telisai dan Mesjid Kampung Baru-Baru.

Hari Jumaat 16 June — Sekolah Melayu Kampong Limau Manis dan Mesjid Kampong Sungai Hanching.

Hari Jumaat 23 June — Sekolah Melayu Kampong Rambai, Tutong dan Mesjid Kampong Panchor Murai.

Hari Jumaat 30 June — Mesjid Kampong Kuala Balai dan Mesjid Kampong Pengkalan Batu.

Masa sharahan2 tersebut ia-lah mulai dari pukul 11 pagi hingga ka-pukul 12.40 tengah hari.

Balek dari Kaherah

BANDAR BRUNEI.—Empat orang penuntut2 dari Brunei yang melanjutkan pelajaran di-Azhar University, Kaherah telah balek ka-Brunei pada hari Ithnin yang lalu kerana berchuti.

Mereka ia-lah Inche2 Mahalle bin Haji Abdullah, Abdul Hamid bin Mohamed Daud, Mohamed Zain bin Haji Sarudin dan Abdul Rahman bin Khatib Abdullah.

Gambar mereka sa-masa melawat ka-Mesjid Mohamed Ali, Kaherah yang di-kirimkan khas kepada PELITA BRUNEI di-siarkan di-muka 8.

Changgong—Mak Inang di-S.R.C.

SERIA.—Changgong dan Mak Inang, dua buah tarian2 yang berchorak kebudayaan Melayu telah mendapat sambutan yang baik dari kalangan para penonton ketika di-persembahkan oleh pemuda-pemudi dalam achara Malam Suka Ria Radio Brunei.

Persembahan itu di-adakan di-dewan Shell Recreation Club pada malam 27 May yang lalu.

Sa-lain dari itu tarian2 yang berchorak kebudayaan China dan kebudayaan lain bangsa, lakonan2 jenaka dan nyanyian2 oleh penyanyi2 tempatan yang terkenal di-antara-nya Ali Paun, Norleha binti Mohamed Noor dan Sahara Ahmad juga di-persembahkan di-temasha tersebut.

Kerajaan Brunei
Derma \$10,000
BANDAR BRUNEI.—
 Kerajaan Brunei telah menghadihkan wang sebanyak \$10,000 untuk menolong mangsa2 kebakaran di-Singapura baharu2 ini.
 Hadiah tersebut telah di-sampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei kepada Kerajaan Singapura.



Lima belas orang pemuda2 Melayu yang telah tamat latihan di-Sekolah Pertukangan Sharikat Minyak Brunei Shell di-Seria kelihatan dalam gambar ini bergambar ramai dengan beberapa orang pegawai Sharikat Minyak itu, Pengetua dan guru2 Sekolah Pertukangan itu di-majlis menerima sijil tidak berapa lama dahulu.

ASKAR BRUNEI:

60 ORANG BAKAL-BAKAL ASKAR BERANGKAT KA-PORT DICKSON

BANDAR BRUNEI. — Enam puluh orang bakal2 askar Melayu Brunei terbahagi kepada dua rombongan telah berlepas dari sini ka-Persekutuan Tanah Melayu pada 31 May dan 1 June lepas dengan menaiki dua buah kapal terbang Pengangkutan Angkatan Udara Di-Raja New Zealand dan Angkatan Udara Di-Raja Inggeris.

Rombongan pertama sa-ramai 25 orang telah di-sertai oleh Yang Berhormat Inche Hashim bin Tahir dan rombongan kedua sa-ramai 35 orang di-sertai

oleh Pegawai Perjawatan Inche Sharif bin Hassan.

Kedua2 rombongan tersebut telah selamat sampai di-Port Dickson, Negeri Sembilan. Mereka akan menjalani latihan selama sa-tahun.

SELAMAT JALAN

Hampir 5,000 orang keluarga, sahabat handai bakal2 askar Melayu dan lain2-nya telah membanjiri lapangan terbang Berakas kerana mengucapkan selamat jalan kepada kedua2 rombongan itu.

Yang Berhormat Inche Hashim bin Tahir dan Inche Sharif telah balek ka-Brunei.

Mereka menyatakan bahawa bakal2 askar Melayu itu telah sampai di-Malaya dengan "selamat sejahtera".

Sa-telah tamat dari pusat latihan tentera Persekutuan Tanah Melayu di-Port Dickson dan balek ka-Brunei mereka akan di-tempatkan di-perkemahan Askar Melayu yang mungkin akan di-dirikan di-Muara atau Jerudong.

Mereka akan berkhidmat da-

lam tempoh 5 tahun dalam perkhidmatan tentera biasa dan diikuti oleh perkhidmatan sa-lama 5 tahun dalam tentera simpanan.

AKAN DI-LANTEK

Salah sa-orang daripada mereka akan di-lantek sa-bagai sa-orang pegawai yang bertauliah untuk satu tempoh yang tidak terhad kechuali dalam perkara2 yang tertentu.

Tauliah2 perkhidmatan pendek untuk sa-lama 3 atau 5 tahun buat permulaan akan diberi.



Beratus2 orang pemuda2 dari seluruh Negeri Brunei yang telah mendaftarkan nama mereka untuk menjadi bakal2 askar Melayu Brunei telah di-pereksa oleh Pegawai2 Tentera dari Malaya dalam berbagai2 perkara di-Bandar Brunei dan juga di-Kuala Belait.

Gambar (1) kelihatan Major Mohamed Sharif bin Ahmad (memakai pakaian tentera) memberi penerangan kepada sa-orang calon. Yang memakai tali-leher ia-lah Yang Berhormat Inche Hashim bin Tahir. Gambar (2) menunjukkan sa-orang calon menurunkan chap jari-nya di-barang permbonan menjadi askar. Lain2 gambar ia-lah di-antara pemandangan pada masa di-adikan pepereksaan2 tersebut.

RANCHANGAN PERKEMBANGAN DAERAH TEMBURONG:

MENDAPAT PERSETUJUAN KERAJAAN

BANGAR. — Dua ranchangan besar bagi perkembangan daerah Temburong yang telah mendapat persetujuan kerajaan telah mula di-jalankan di-Bangar, kepala daerah Temburong, di-bawah ranchangan kemajuan untuk memberi berbagai kemudahan kepada rakyat.

Pegawai Daerah Temburong, Inche Ajmain bin Abdul Razak, berkata bahawa antara ranchangan2 kemajuan yang telah di-chadangkan ialah kerajaan telah meluluskan perbelanjaan sa-banyak \$15,000 untuk membina sa-buah lapangan permainan di-Bangar.

SATU PERUNTOKAN

Lapangan itu akan mengandungi sa-buah padang bola dan padang permainan kanak2 yang mungkin di-hiasi dengan sa-buah taman bunga yang kecil.

Satu peruntukan sa-banyak \$70,000 telah juga di-luluskan oleh kerajaan. Wang itu akan di-gunakan untuk membaiki dan melebarkan sa-batang jalan raya dari Bangar ka-Bokok melalui Kampong Juni.

Jalan raya itu sa-memang sudah ada tetapi keadaan-nya tidak memuaskan dan pada musim tengkujuh tidak boleh di-lalui oleh basikal yang menjadi kenderaan bagi kebanyakan penduduk2 kampung2 di-kiri kanan jalan itu.

MENJAMIN KEMUDAHAN

Dalam keadaan bagitu hasil pertanian dan ternakan yang banyak di-keluarkan dari kampung2 tersebut tidak boleh di-bawa ka-Bangar untuk di-perniagakan.

Temburong ia-lah sa-buah daerah yang bergantung pada

pertanian dan ternakan dan kebanyakan dari penduduk2 daerah itu yang berjumlah kira2 4,000 orang terdiri dari kaum2 Melayu, Iban dan Murut.

Sa-batang jalan raya yang baik kelak yang boleh di-lalui bila2 masa akan menjamin kemudahan penduduk2 kampung membawa hasil2 kampung ka-bandar untuk di-jual.

LEBEH MUSTAHAK

Sungguh pun kehidupan penduduk2 daerah bergantung pada pertanian, ternakan, perusahaan hutan ada-lah juga satu sumber yang mendatangkan wang kepada penduduk2 itu.

Tetapi untuk menjamin kemewahan yang berkekalan pertanian ada-lah di-fikirkan lebeh mustahak dari lain2 perusahaan.

Dari itu Inche Ajmain berharap bahawa suatu kawasan persawahan yang luas akan dapat di-buka di-daerah itu bukan sahaja untuk menjamin bekalan beras bagi penduduk2 Temburong tetapi juga untuk di-hantar hasil yang berlelebihan ka-lain2 daerah Brunei.

KAWASAN PERSAWAHAN

Harapan atas mengadakan suatu kawasan persawahan yang luas di-daerah itu sangat baik. Keadaan tanah di-daerah itu subur dan pamah yang luas banyak di-dapati.

Sa-lain dari itu sumber2 bekalan ayer bagi sawah itu mencukupi kerana sungai dan anak2 sungai banyak di-dapati di-Temburong.

Sa-bagai menambah penda-

patan penduduk2 kampung, kemungkinan ladang2 getah baharu di-buka di-daerah itu telah juga di-fikirkan, tetapi bahan2 pendapatan yang lebeh mudah sudah ada di-daerah itu.

PERUSAHAAN SAGU

Ini di-maksudkan kepada pemuehan sa-mula perusahaan sagu yang telah lama tidak di-usahkan di-negeri ini sa-chara terator oleh sebab bahan2 makanan yang lain banyak di-datangkan dari luar negeri.

Inche Ajmain menganggarkan bahawa tidak kurang dari 500 ekar tanah di-daerah Temburong di-tumohi oleh pokok2 rumbia yang jika di-usahkan boleh mengeluarkan sagu untuk di-perdagangan.

Sagu itu dahulu menjadi makanan yang penting bagi penduduk2 Brunei terutama-nya dalam masa pemerintahan Jepun dan sa-belum kawasan sawah di-perluaskan di-negeri ini.

TERJAMIN KEHIDUPAN

Daun rumbia itu boleh di-jadikan atap, sagu-nya di-jadikan makanan ternakan dan sa-telah di-tapis pula boleh di-jadikan sagu biji untuk di-jadikan makanan dan di-hantar ka-luar negeri.

Ada-lah jelas bahawa dari perusahaan sagu sahaja batus2 keluarga di-daerah itu akan terjamin kehidupan mereka sa-kira-nya perusahaan sagu itu di-pulehkan sa-mula sa-chara terator dengan mengadakan kilang dan lain2 alatan yang di-perlukan bagi mendirikan suatu perusahaan yang modern dan lengkap.

Saperti lain2 daerah, Temburong maseh mengandungi hutan rimba yang luas. Sa-bahagian besar dari hutan itu telah di-asingkan sa-bagai hutan simpanan kerajaan untuk menjamin bekalan kayu bagi masa hadapan.

HUTAN2 SIMPAN

Hutan2 simpan itu di-jaga dan di-kawal dengan baik oleh pegawai2 Pejabat Kehutanan tetapi sa-bahagian dari hutan yang luas itu sedang di-kerja-kan orang bagi mengeluarkan kayu balak dan papan yang di-kehendaki dalam kerja2 pembinaan di-negeri ini.

Kayu balak dan papan yang lebeh dari yang di-gunakan dalam kerja2 pembinaan itu di-kirimkan ka-luar negeri saperti ka-Australia, Hongkong dan Jepun.

Walau pun perusahaan hutan itu tidak berapa besar tetapi ia juga menjamin kehidupan beberapa keluarga di-daerah Temburong.


Sa-lain dari kayu dan balak Temburong juga mengeluarkan hasil2 hutan2 saperti rotan dan damar.

Dalam ranchangan perkembangan bandar Bangar pula kedudukan kawasan perusahaan mungkin di-susun sa-mula.

RUMAH2 KERAJAAN

Rumah2 pegawai2 kerajaan ada-lah di-katakan tidak terator tempat-nya mengikut pangkat masing2 kerana rumah2 itu telah di-dirikan di-suatu kawasan yang menghalang perkembangan bandar itu sendiri.

Rumah2 itu mungkin di-robohkan kelak dan di-pindahkan ka-suatu kawasan perumahan yang lebeh sesuai di-lereng bukit berhampiran dengan pejabat2 daerah.



Yang Mulia Inche Ajmain bin Abdul Razak, Pegawai Daerah Temburong (kiri) dan (kanan) bangunan Pejabat2 Kerajaan di-Temburong.

Halaman Pertanian:

HUBONGAN MANUSIA DAN BUNGA TIDAK DAPAT DI-PISAHKAN

Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh Pegawai Pertanian Luar Bahagian Bunga2an di-Brunei telah menulis "Bunga dan hubungan-nya dengan manusia".

Tulisan beliau ada-lah seperti berikut:

Tumboh2an telah di-chiptakan oleh Tuhan ada-lah untuk perhiasan alam chiptaan-nya, di-samping itu pula ia-lah untuk kegunaan bagi makhluk-nya terutama manusia. Tumbuh2an dan manusia ada-lah sangat rapat hubungan-nya, sa-hingga manusia ta' boleh melarikan diri dari tumbuh2an.

BAHAGIAN TUMBOH2AN

Maka sebab itu-lah Tuhan telah menchiptakan tumbuh2an itu dengan berbagai2 jenis, bentuk, keadaan dan kegunaan-nya. Tiap2 jenis tumbuh2an itu pula ada bahagian2-nya yang tertentu yang boleh di-gunakan oleh manusia mahu pun makhluk2-nya yang lain.

Bahagian2 tumbuh2an itu ia-lah seperti bahagian batang-nya sahaja yang boleh di-pergunakan untuk sesuatu, bahagian daun-nya, buah-nya, isi-nya dan ayer atau getah-nya; sa-lain dari itu ada pula yang boleh di-gunakan keselurohan bahagian pokok tumbuh2an itu, ia-itu batang dan isi-nya, daun, batang dan buah-nya dan lain2.

BESAR FA'EDAH-NYA

Harus di-ketahui ia-itu pada bahagian2 tumbuh2an yang telah kita sebutkan itu ada-lah sangat besar fa'edah-nya terutama kepada kita manusia ia-itu untuk di-jadikan makanan, perkakas2 perhiasan dan ubat2an (ubat2 yang di-pergunakan oleh doktor2 di-rumah sakit di-seluruh dunia ini kebanyakan-nya ada-lah terdapat dan berasal dari tumbuh2an).

Pendek-nya bagi keinginan manusia dalam hal rumah tangga, perhiasan, keperluan sa-hari2 dan lain2, ada-lah terdiri dan terdapat 90% berasal dari tumbuh2an.

Sa-sudah membicarakan berjenis2 tumbuh2an dan kegunaannya, mari-lah pula kita membicarakan sa-jenis tumbuh2an yang di-namakan "POKOK BUNGA-NYA."

SAMA TERCHIPTA

Jenis tumbuh2an ini ada-lah sama terchiptanya dengan tumbuh2an yang lain, dan dalam kumpulan tumbuh2an ini pula ada mempunyai beribu jenis, berbagai2 bentuk, keadaan dan warna-nya.

Sesuatu yang di-jadikan oleh Tuhan itu ada mempunyai kelebihan-nya dari sesuatu yang lain, maka sebab itu jenis tumbuh2an ini juga ada mempunyai kelebihan-nya yang tidak terdapat

pada tumbuh2an yang lain, kelebihan-nya ia-lah kerana bunga-nya. Oleh sebab keistimewaan bunga-nya-lah maka jenis tumbuh2an ini di-beri nama "pokok bunga".

Sa-bagaimana yang telah di-katakan keistimewaan pokok tumbuh2an ini ia-lah kerana bunga-nya itu memang sengahaja di-chipta oleh penchiptanya de-

warna pada tiap2 puput (kuntum) bunga-nya itu dan bermacam2 warna lagi.

Tiap2 warna dan bau-nya itu ada pula mempunyai kuasa tarikan untuk sesuatu.

Kita manusia ini ada-lah golongan makhluk yang mempunyai akal dan fikiran, kemahuan dan keinginan yang berlainan, maka sebab itu-lah Tuhan telah men-



Bunga kembang sa-ribu ("Hydrangea") di-tengah, kelihatan kembang semerbak dalam taman bunga Jabatan Pertanian di-Jalan Istana, Brunei.

ngan berbagai2 bentuk dan mempunyai warna warni yang sangat chantek dan menarek di-tambah pula oleh bau-nya yang harum.

WARNA2 BUNGA

Warna2-nya ia-lah merah, puteh, kuning, hijau, biru ungu dan ada pula mempunyai 3 atau 4

chiptakan bunga itu dengan berbagai2 warna, untuk menyesuaikan kemahuan dan keinginan manusia terhadap warna ia-itu ada yang suka pada warna merah, ada yang suka pada warna puteh dan ada pula yang suka warna hijau dan lain2.

Pokok bunga yang telah me-

geluarkan berjenis2 warna bunga-nya ada-lah sangat besar faedah-nya kepada manusia, satu daripadanya ia-lah untuk sentapan mata dan rohani. Sa-bagaimana perut berkehendakkan makanan untuk sentapan-nya, maka mata juga berkehendakkan sentapan-nya.

DAPAT MENGENAL

Sa-lain dari itu dengan adanya warna2 yang di-mileki oleh tiap2 pokok bunga yang terletak pada bunga-nya itu maka manusia yang ada sekarang ini dapat mengenal dan mengetahui jenis2 warna. Tanpa ada-nya bunga pada mula-nya, manusia mungkin ta' akan dapat mengenal dan mengetahui warna, kerana warna warni yang ada terletak pada segala apa juga benda bagi chiptaan manusia sekarang ini, adalah berasal tiruan dari warna yang di-mileki oleh bunga sa-hingga bentuk yang merupakan bunga dan warna-nya di-ukir pada sesuatu benda sa-bagai menambahkan kechantekan benda itu seperti pinggan, mangkok, pakaian dan lain2 semua-nya dapat kita saksikan sekarang ini.

RAPAT HUBONGAN-NYA

Sa-lain dari itu bunga ada-lah sangat rapat hubungan-nya dengan manusia, kerana perhubungan dan percheriaan atau di-waktu suka dan duka bunga tetap berada di-samping manusia ia-itu di-waktu persandingan antara pengantin lelaki dan perempuan.

Dan di-waktu sa-saorang yang telah menahyut panggilan Ilahi maka janazah-nya penoh di-tabori dengan bunga, begitu juga pusara-nya. Maka dengan hal yang demikian hubungan manusia dan bunga tidak-lah dapat di-pisah2kan.

PELAJARAN MEMBACHA AL-KORAN DI-BAWAH ANJORAN JABATAN UGAMA

BANDAR BRUNEI.—Jabatan Hal Ahwal Ugama, Brunei telah mengadakan pelajaran membacha al-koran terbuka kepada Pegawai2 Kerajaan bertempat di-Mesjid Omar Ali Saifuddin mulai dari hari Ahad yang lalu.

Darjah2 untuk orang ramai di-adakan di-Mesjid Omar Ali Saifuddin dan sa-buah darjah di-Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei untuk guru2 sekolah ugama sahaja.

Masa belajar darjah2 yang terbuka kepada orang ramai ia-lah dari pukul 8 pagi hingga ka-pukul 10 pagi dan dari pukul 2 petang hingga ka-pukul 4 petang pada tiap2 hari dari hari Ithnin hingga ka-hari Khamis, ia-itu pada hari2 Sekolah Melayu di-buka.

Darjah khas untuk guru2 Sekolah2 Ugama di-buka hanya pada tiap2 hari Sabtu mulai dari pukul 8 pagi hingga ka-pu-

kul 9.30 pagi sahaja.

Hingga ka-hari ini, sa-orang guru sahaja yang mengajar darjah2 tersebut. Beliau ia-lah Tuan Haji Khalidi bin Haji Abdul Karim dari Persekutuan Tanah Melayu.

Bagaimana pun, Jabatan Hal Ahwal Ugama, Brunei akan memilih guru2 yang lain untuk mengajar pelajaran membacha al-koran sa-bagai mana yang terma'ulum.

Orang2 yang di-terima belaj-

jar di-sharatkan umur-nya tidak kurang daripada 20 tahun, kechuali ia ada mempunyai kebenaran dari Pejabat Pelajaran Ugama.

Bilangan penuntut2 yang di-benarkan belajar tidak lebeh daripada 30 orang bagi darjah sa-belah pagi dan demikian juga darjah sa-belah petang. Murid2 yang di-terima belajar di-sa-belah pagi, tidak di-benarkan belajar di-sa-belah petang dan begitu juga sa-balek-nya.

Orang ramai yang beragama Islam terutama sa-kali Pegawai2 Ugama, Iman2 Khatib2 dan Mudim2 yang berhaajat hendak belajar membacha al-koran di-darjah tersebut, ada-lah di-min-ta mendaftarkan nama di-Pejabat Pelajaran Ugama, Jabatan Hal Ahwal Ugama, Brunei dengan sa-chepat mungkin.

SUKAN MAKTAB PERGURUAN BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Maktab Perguruan Guru2 Melayu Brunei telah mengadakan temasha sukan-nya kali yang ketiga bertempat di-padang bandar ini pada petang hari Ahad 21 May yang lalu dengan memperolehi kejayaan yang besar.

Temasha sukan itu di-mulai pada pukul 2.30 petang dengan istiadat berbaris. Kesemua penuntut2 maktab itu telah berbaris dengan chergas di-keliling padang dan memberi tabek kehormatan kepada Yang Berhormat Dato Setia Marsal bin Maun, Timbalan Setia Usaha Kerajaan Brunei pada masa mereka melalui di-hadapan beliau.

Rumah Bendahara Sakam telah menjadi johan dan Rumah Awang Semaun naib johan.

Momin Nasir dari Rumah Bendahara Sakam telah di-beri gelaran Bintang Sukan Maktab Perguruan bahagian lelaki, manakala gelaran Bintang Sukan Maktab Perguruan bahagian perempuan pula di-sandang oleh Siti Alam dari Rumah Awang Semaun.

Hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya dalam temasha sukan itu di-sampaikan oleh Yang Mulia Datin Zubaidah, isteri kepada Yang Berhormat Dato Setia Marsal.

Sembilan rekod yang baharu telah di-chiptakan dalam temasha sukan tersebut.

BUKAN PENUNTUT

Inche Senin Metali, sa-orang ahli sukan yang terkenal di-negeri ini telah berjaya memenangi gelaran johan perlumbaan sabatu terbuka kepada orang2 yang bukan penuntut maktab perguruan tersebut dan men-chiptakan rekod yang baharu perlumbaan itu.

Pada tahun yang lalu Senin telah mengambil masa 5 minit 2.1 saat dan di-temasha sukan tersebut ia telah mengambil masa 4 minit 49.2 saat.

Gelaran naib johan dalam perlumbaan itu di-perolehi oleh Joseph Chin dan gelaran yang ketiga di-perolehi oleh Awangku Othman bin Pengiran Ismail.

Sa-lain dari perlawanan2 tersebut, berbagai2 perlawanan juga terbuka kepada lain2 ahli sukan di-adakan.

Di-antara perlawanan2 itu ia-

SUKAN KAWASAN BORNEO DI-SERIA BULAN JULY

SERIA. — Pertandingan sukan di-antara Negeri2 Brunei, Sarawak dan Borneo Utara akan di-langsungkan di-Seria pada hari Juma'at 14 July dan hari Sabtu 15 July akan datang.

Pada petang hari Ahad yang lalu telah di-adakan pertandingan sukan terbuka kepada murid2 sekolah dalam Daerah Brunei di-padang Bandar Brunei.

LAIN2 TARIKH

Murid2 sekolah dalam Daerah Belait pula telah masuk bertanding dalam pertandingan sukan sekolah2 di-padang Shell Recreation Club, Seria pada petang hari tersebut juga.

Lain2 tarikh temasha sukan di-bawah anjuran Persatuan Sukan Negeri Brunei ada-lah seperti

lah perlumbaan 100 ela terbuka kepada murid2 tua maktab tersebut, lari berganti2 terbuka kepada sekolah2 dan perlumbaan

lari bertutup mata dengan sapu tangan terbuka kepada pegawai2 sukan itu.

Inche Masri Salleh telah menjadi johan dalam perlumbaan terbuka kepada murid2 tua maktab itu dan Inche Baha Arshad menjadi naib johan. Gelaran yang ketiga di-perolehi oleh Inche Ali Burut.



Datin Zubaidah isteri Y.B. Dato Setia Marsal, Timbalan Setia Usaha Kerajaan Brunei (atas kanan) kelihatan menyampaikan hadiah di-temasha sukan Maktab Perguruan Guru2 Melayu Brunei. Atas kiri — Pasukan Rumah Bendahara Sakam, johan sukan itu. Bawah kanan — Bintang2 sukan maktab tersebut. Bawah kiri — Pasukan Rumah Awang Semaun yang telah menjadi naib johan dalam temasha itu.

PERLUMBAAN JALAN KAKI S. M. BERAKAS

BERAKAS. — Sa-ramai 113 orang murid2 lelaki dan perempuan Sekolah Melayu Berakas telah mengambil bahagian dalam temasha berjalan kaki sa-jauh 2½ batu dari Sungai Hanching ka-Sekolah Melayu Berakas pada pagi Hari Raya Haji yang lalu.

Perlumbaan itu, terdiri dari 73 orang murid2 lelaki dan 40 orang murid2 perempuan, di-adakan sa-bagai acara akhir sambutan Hari Ibu Bapa sekolah itu pada tahun ini, dan juga sa-bagai sambutan Hari Raya Haji.

Tidak berapa lama dahulu Sekolah Melayu Berakas telah mengadakan sambutan Hari Ibu Bapa dengan mempersembahkan temasha2 pertunjukan dalam, sukan, senaman ramai pada sabat malam, anika warna dan juga tayangan wayang gambar oleh Jabatan Penerangan Kerajaan Brunei.

LIMA BAHAGIAN

Perlumbaan berjalan kaki itu terbuka kepada lima bahagian, ia-itu bahagian murid2 lelaki A, B dan C; serta bahagian murid2 perempuan A dan B.

Bahagian A murid2 lelaki adalah terbuka kepada murid2 yang berumur 13 tahun ka-atas, bahagian B murid2 yang berumur di-antara 10 dan 13 tahun dan bahagian C murid2 yang berumur 10 tahun ka-bawah.

Murid2 perempuan pula, ba-

hagian A ia-lah murid2 yang berumur 13 tahun ka-atas dan bahagian B ia-lah murid2 yang berumur 12 tahun ka-bawah.

Peserta2 yang berjaya dalam temasha itu ada-lah seperti di-bawah ini:

KEPUTUSAN

Murid2 lelaki. Bahagian A-1. Ismail Rabaha 2. Omar Mansor dan 3. Awangku Damit bin Pengiran Bungsu. Bahagian B-1. Ramli Awang Tengah 2. Saidi Hidup dan 3. Awangku Sabtu bin Pengiran Othman. Bahagian C-1. Hasnan Harith 2. Awangku Mohiddin bin Pengiran Hashim dan 3. Awangku Yamin bin Pengiran Damit.

Murid2 perempuan. Bahagian A-1. Dayangku Rokiah binti Pengiran Mohamed Daud 2. Ainee Friday dan 3. Normah Idris. Bahagian B-1. Dayangku Hasnah binti Pengiran Sabtu 2. Dayangku Mariam binti Pengiran Lahab dan 3. Belait binti Jaludin.

Yang Berhormat Inche Shahbudin bin Mohamed Salleh, Guru Besar Sekolah Melayu Berakas telah menyampaikan hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya dalam perlumbaan tersebut.

RAPAT HARI BUROH SA-DUNIA

KUCHING. — Rapat Hari Buroh Sa-dunia yang telah diadakan di-sini pada bulan yang lalu telah bersetuju membuat ketetapan menentang segala tipu muslihat yang bersifat memecah belahkan perpaduan antara kaum dan bangsa.

Inche Matarsad bin Marsal, Yang di-Pertua 4B Brunei; Inche Othman Abdul Latif, Timbalan Setia Usaha Agong, 4B Brunei; Inche Momin Ahmad, Pegawai 4B dari Kuala Belait dan Inche Chow Man Sang, Pegawai 4B dari Seria telah mewakili 4B Brunei di-rapat tersebut.

Di-antara lain2 ketetapan yang telah di-persetujukan dalam Rapat Hari Buroh tersebut ia-lah seperti di-bawah ini:

◆ Berseru kepada seluruh Persatuan2 Buroh di-seluruh negeri supaya sentiasa mengadakan hubungan yang rapat dan saling bantu membantu dalam segala hal, dan berikrar untuk menubuhkan satu Gabungan Persatuan Buroh seluruh Sarawak.


◆ Menyokong dengan sekuat2nya tentang penubuhan persatuan pekerja2 di-bahagian Miri dan mendesak kerajaan supaya segera mengesahkan pendaftaran-nya.

◆ Tetap membantah rancangan hendak mengubah kaedah Sekolah Menengah China dalam masa 10 tahun; dan berseru kepada seluruh kaum buroh segala bangsa supaya berjuang untuk memper-tahankan pelajaran bangsa masing2.

◆ Memperingatkan kepada kerajaan supaya menghormati kebebasan kaum pekerja dalam membuka sekolah2, dan mendesak kerajaan supaya sekolah malam perchuma kepunyaan persatuan2 pekerja Bahagian Sibul di-daftarkan.

◆ Mendesak kerajaan agar segera melaksanakan undang2 yang berkaitan dengan hari2 kelepasan yang bergaji dan kelepasan hari minggu.

◆ Mendesak kerajaan supaya undang2 buroh yang tidak berpatutan itu di-ubah, ia-itu di-sesuai-kan dengan masa hari ini.



Gambar ramai wakil2 persatuan2 buroh dari Negeri Sarawak dan 4B Brunei yang menghadiri Rapat Hari Buroh di-Kuching pada bulan yang lalu.

Tarikh2 Pelayaran Kapal2 Haji

PULAU PINANG. — Tarikh2 pelayaran kapal2 Haji dari Jeddah dan tarikh2 ketibaan kapal2 Haji di-pelabuhan2 Pulau Pinang, Port Swettenham dan Singapura ada-lah seperti di-bawah ini:

Kapal Anshun bertolak dari Jeddah pada 30 May, tiba di-Pulau Pinang pada 11 June, tiba di-Port Swettenham pada 12 June dan tiba di-Singapura pada 13 June.

Perempuan di-hukum kerana

MOSCOW. — Lidiya Smolenskaya, sa-orang perempuan bangsa Russia telah di-hukum tinggal dalam buangan sa-lama lima tahun di-sa-buah perkampungan buroh yang di-tubuhkan khas kerana tidak mahu membuat pekerjaan, demikian menurut satu berita yang di-siarkan oleh akhbar Kesatuan Buroh Russia bernama Trud.

Kapal Kuala Lumpur pelayaran yang pertama bertolak dari Jeddah pada 31 May, tiba di-Pulau Pinang pada 14 June, tiba di-Port Swettenham pada 15 June dan tiba di-Singapura pada 16 June.

Kapal Kuala Lumpur pelayaran yang kedua bertolak dari Jeddah pada 6 July, tiba di-Pulau Pinang pada 19 July, tiba di-Port Swettenham pada 20 July dan tiba di-Singapura pada 21 July.

Kapal Kuala Lumpur pelayaran yang akhir bertolak dari Jeddah pada 9 August, tiba di-Pulau Pinang pada 22 August, tiba di-Port Swettenham pada 23 August dan tiba di-Singapura pada 24 August.

PENUNTUT2 BRUNEI DI-KAHERAH



Empat orang penuntut2 dari Negeri Brunei yang melanjutkan pelajaran di-University Azhar, Kaherah kelihatan di-kawasan Masjid Mohamed Ali, Kaherah. Dari kanan — Inche Mahalle Haji Abdullah, Inche Abdul Hamid Mohammad Daud, Inche Mohammad Zain Haji Serudin dan Inche Abdul Rahman bin Khatib Abdullah — Gambar kiriman Inche Mahalle bin Haji Abdullah.

WAYANG GAMBAR JABATAN PENERANGAN

BANDAR BRUNEI. — Tarikh2 pertunjukan wayang gambar Jabatan Penerangan Kerajaan Brunei mulai dari hari ini hingga ka-akhir bulan ini ada-lah seperti berikut:

Hari ini, 7 June — Rumah Sakit Kerajaan, Bandar Brunei dan Kampong Sungai Lumut, Belait.

8 June — Penjara Jerudong, Brunei dan di-kawasan Kilang Penapis Ayer, Badas, Seria.

12 June — Kawasan belakang bangunan Pejabat2 Kerajaan, Bandar Brunei dan Padang Kechil, Kuala Belait.

13 June — Kampong Bengkurong, di-antara Bunut dan Kilanas, Brunei.

15 June — Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar, Temburong dan Kampong Tumpuan Telisai, Tutong.

17 June — Kawasan Maktab Perguruan Guru2 Melayu Brunei di-Berakas.

19 June — Sekolah Melayu Puni, Temburong dan Bukit Puan, Ulu Belait.

20 June — Sekolah Melayu Bokok, Temburong dan Sekolah Melayu Rempayoh, Ulu Belait.

22 June — Kampong Pandai Besi.

24 June — Kampong Petajian, Brunei.

26 June — Sekolah Melayu Layong, Tutong dan Sekolah Melayu Sungai Liang, Belait.

27 June — Sekolah Melayu Ukong, Tutong dan Kampong Sungai Damit, Ulu Belait.

28 June — Sekolah Melayu Rambai, Tutong.

29 June — Sekolah Melayu Berakas, Brunei dan Kelab Melayu, Seria.

HARI KEBANGSAAN

SINGAPURA. — Beribu2 orang telah membanjiri kawasan Esplanade pada hari Sabtu yang lalu kerana merayakan Hari Kebangsaan Singapura.

Yang di-Pertuan Negara, Inche Yusof bin Ishak; Perdana Menteri Lee Kuan Yew dan lain2nya telah berucap di-temasha tersebut.

Tiap2 pertunjukan wayang gambar tersebut di-mulai pada pukul 7.30 malam.

MALAYSIA:

Chadangan Tengku

SINGAPURA. — Yang Teramat Mulia Tengku Abdul Rahman Putera Al-Haj, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu menyatakan dalam satu jamuan anjoran Persatuan Wartawan Luar Negeri pada 27 May yang lalu bahawa kemungkinan tertuboh-nya nanti persatuan besar Malaya, Singapura, Borneo Utara, Brunei dan Sarawak.

Bagaimana pun, Tengku Abdul Rahman mengingatkan bahawa kerjasama politik dan ekonomi lima buah negara tersebut tidak akan terchapai kalau sa-kira-nya orang2 China memikirkan dan memperkatakan segala2nya dari segi pandangan orang2 China belaka.

PERTUNJOKAN PERTANIAN

BANDAR BRUNEI. — Pertunjokan Pertanian Sa-Negeri Brunei bagi tahun 1961 akan diadakan pada 20 August akan datang bertempat di-sekolah2 Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Raja Isteri Fatimah.